



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JL/69/2023**

Tajuk Sebut Harga :

CADANGAN KERJA-KERJA MEMBAIKI, MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENAIKTARAF KOMPONEN BERKAITAN M&E DI BANGUNAN VIC DAN ANJUNG TAMAN BOTANI PUTRAJAYA PRESINT 1, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

1. Sebut harga adalah dipelawa dalam kalangan **Kontraktor/Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)**, **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor** dalam **Gred G2, Kategori : M&E – Pengkhususan M01 (Sistem Hawa Dingin Dan Pengedaran Udara), E04 (Pemasangan Voltan Rendah), dan E11 (Kerja Am Elektrik)**.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **12 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**, jam **10.00** pagi bertempat di **Bilik Mesyuarat Dahlia, Blok D, Aras 5, Kompleks PPj**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK, Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga hanya boleh dibeli pada **12 SEPTEMBER 2023 (SELASA)** hingga **14 SEPTEMBER 2023 (KHAMIS)** oleh wakil **Kontraktor/Syarikat** yang sah serta menghadiri taklimat sahaja dengan bayaran secara tunai **RM10.00** di **Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya**.
4. **Kontraktor/Syarikat** dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran LPIPM, SPKK dan STB**. Wakil **Kontraktor/Syarikat** adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **19 SEPTEMBER 2023 (SELASA)**.
6. **Kontraktor/Syarikat** yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian **03-8887 7708** atau e-mel ke spp@ppj.gov.my.
7. Kenyataan notis ini boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(LAr. HASLINDA BINTI KHALID)

b.p. Naib Presiden
Jabatan Landskap Dan Taman
Perbadanan Putrajaya